



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA**

---

#### **INISIATIF BANTUAN HARAPAN NEGARA (BHN) 2019 KEPADA VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) BERPENCEN DAN TIDAK BERPENCEN DALAM KATEGORI ISI RUMAH BERPENDAPATAN 40 PERATUS TERENDAH (B40)**

Kerajaan telah bersetuju dan meluluskan pelaksanaan inisiatif Bantuan Harapan Negara (BHN) 2019. Inisiatif BHN 2019 adalah merupakan inisiatif baharu bagi menggantikan Bantuan Bakti Negara (BBN) 2017 dan Sumbangan Veteran Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M) 2013. Inisiatif BHN 2019 merupakan penghargaan berterusan daripada Kerajaan kepada Veteran ATM di atas kesetiaan dan pengorbanan mereka kepada negara. Ianya adalah usaha berterusan Kerajaan untuk menjaga kebajikan semua golongan Veteran ATM.

Inisiatif BHN 2019 juga akan melibatkan kumpulan Veteran ATM Berpencen yang tidak menerima sebarang bantuan kewangan secara *one-off* sebelum ini. Pelaksanaan inisiatif ini adalah lebih bersasar di mana penerimanya adalah Veteran ATM di dalam kumpulan B40.

Walaupun Kerajaan menghadapi kekangan kewangan, namun bagi menghargai pengorbanan Veteran ATM, Kerajaan masih mampu memperuntukkan RM79,684,000.00 untuk pelaksanaan BHN 2019 kepada penerima yang lebih ramai iaitu sejumlah 159,368 orang Veteran ATM Berpencen dan Tidak Berpencen berbanding hanya 43,000 Veteran ATM Tidak Berpencen sahaja yang menerima inisiatif BBN 2017.

Pecahan penerima bantuan kewangan BHN 2019 sebanyak RM500 secara *one-off* adalah seperti berikut:

- a. Veteran ATM Berpencen : 100,762 orang; dan
- b. Veteran ATM Tidak Berpencen: 58,606 orang

Kriteria penerima BHN 2019 ditetapkan seperti berikut:

- a. Veteran ATM,
- b. Tarikh tamat tempoh perkhidmatan (TTP) sebelum 31 Disember 2019,
- c. Bermastautin di Malaysia,
- d. Veteran yang layak menerima Bantuan Sara Hidup 2019 Persekutuan,
- e. Perlu memohon untuk mendapatkan BHN 2019 bagi Veteran ATM Tidak Berpencen yang belum pernah memohon Bantuan SVTB1M dan BBN 2017,
- f. Veteran dengan jumlah pendapatan isi rumah kasar bulanan RM 4,000 dan ke bawah (B40), dan
- g. Tidak dipanjangkan kepada balu/duda/tanggungan/waris.

Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM akan bertangungjawab untuk melaksanakan inisiatif BHN 2019 ini. JHEV ATM akan menyediakan kemudahan pendaftaran dan permohonan, menentukan kelayakan dan meluluskan permohonan, memaklumkan status permohonan serta melaksanakan pembayaran ke akaun bank penerima BHN 2019.

Permohonan untuk mendapatkan BHN 2019 akan dibuka pada 14 April tahun ini dan pembayaran akan mula dilaksanakan pada 27 Mei 2019.

Semoga dengan pemberian BHN 2019 ini dapat membantu Veteran ATM dalam menghadapi cabaran kenaikan kos sara hidup masakini.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru, setiap lapisan Rakyat Malaysia untuk bersama-sama Kerajaan dalam usaha menjaga kebajikan Veteran ATM yang telah banyak berkorban dalam memastikan keselamatan dan keamanan Negara terjamin. Nikmat dari keamanan dan kemakmuran Negara ini membolehkan ekonomi Negara terus berkembang, lantas meningkatkan keupayaan Kerajaan untuk memajukan Negara demi kesejahteraan rakyat jelata.

- Tamat -

**MOHAMAD BIN SABU  
MENTERI PERTAHANAN**

**26 Mac 2019**